

Kod Amalan HIV/Aids diperkenal

Langkah terbaik
menangani HIV dan
Aids di tempat kerja

KUALA LUMPUR, Selasa – Kementerian Sumber Manusia akan memperkenalkan Kod Amalan HIV/Aids bagi meningkatkan kesedaran majikan untuk menangani isu berkenaan di kalangan kakitangan di tempat kerja.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kod amalan itu wajar diwujudkan sebagai langkah terbaik bagi mengawal serta menangani masalah HIV/Aids, pada masa depan.

Sehubungan itu, pihaknya akan mendapatkan laporan lengkap daripada Kementerian Kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpengalaman dalam bidang itu bagi mendapatkan kerjasama untuk menangani isu berkenaan membatik pekerja di negara ini.

“Ini penting kerana isu terbabit turut menjadi agenda utama di kebanyakan negara lain. Apa yang nyata jika pekerja dijangkiti virus HIV/Aids ia akan menjejaskan produktiviti mereka,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar HIV/Aids Dalam Konteks Dunia Pekerjaan, di sini hari ini.

Hadir sama Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir; Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Niosh), Abu Bakar Che Man dan Wakil Residen Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Philip Young.

Dr Fong berkata, menerusi seminar itu, pihaknya amat mengalu-alukan cadangan-daripada pakar dalam dan luar negara mengenai bagaimana boleh diadakan satu dasar tertentu, termasuk menyediakan Kod Amalan bagi HIV/Aids untuk menyelesaikan masalah itu di tempat kerja.

Katanya, laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Malaysia mendapati kira-kira 100,000 orang dijangkiti virus HIV, pada tahun ini.

Beliau berkata, laporan juga menyebut mereka yang berusia antara 20 hingga 29 tahun adalah golongan yang paling produktif dijangkiti virus terbabit.

“Berdasarkan kajian Niosh terhadap 154 kilang di negara ini, kebanyakan majikan salah faham mengenai isu itu dan berpendapat jangkitan virus HIV/Aids hanya membatik pekerja yang berpendidikan rendah serta isu itu bukan satu perkara penting untuk diselesaikan.

“Kebanyakan majikan pula tidak tahu untuk menyelesaikan masalah itu dan hanya segelintir mereka yang menghubungi Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Buruh dan NGO untuk mendapatkan nasihat.

“Keadaan itu adalah antara cabaran kepada kementerian ini untuk melihat isu terbabit secara menyeluruh. Oleh itu, kita berharap dengan adanya kod amalan berkenaan akan memberi kesedaran majikan supaya lebih prihatin terhadap isu itu,” katanya.

Beliau berkata, kementerian juga berharap supaya isu HIV/Aids menjadi agenda utama yang diperbincangkan secara terbuka di kalangan kakitangan di tempat kerja.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Fong berkata kajian UNDP dan WHO, mendapati seramai 33.6 juta orang berusia di antara 15 hingga 49 tahun dijangkiti virus di dunia, tahun lalu.

Selain itu, beliau berkata, 95 peratus penduduk di negara membangun dijangkiti virus Aids.